

0790

U B473 DEB
PARLIMEN - SWASTA

KUALA LUMPUR, 11 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI BERKATA KERAJAAN AKAN TERUS MENLAKSANAKAN DASAR PENSWASTAAN SEHINGGA BEBAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN KERAJAAN DAN SAIZ SEKTOR AWAM DAPAT DIKURANGKAN.

DASAR ITU JUGA BERTUJUAN MENINGKATKAN DAYA PENGELUARAN DAN KECEKAPAN DALAM MENGELUARKAN BARANGAN DAN MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN, KATANYA KETIKA MENJAWAB SOALAN ENCIK KARPAL SINGH (DAP-JELUTONG) SEMASA SOAL-JAWAB DI DEWAN RAKYAT.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA MATLAMAT UTAMA DASAR ITU JUGA BERTUJUAN MEMPERCEPATKAN PERTUMBUHAN EKONOMI.

SEMASA MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN DARIPADA KETUA PEMBANGKANG, ENCIK LIM KIT SIANG (DAP-TANJUNG), YANG INGIN PENJELASAN LANJUT MENGENAI PENSWASTAAN SPORTS TOTO BARU-BARU INI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PENSWASTAANNYA ADALAH HASIL IDEA YANG UNIK OLEH SEKUMPULAN TERTENTU YANG MENCADANGKANNYA KEPADA KERAJAAN.

CADANGAN PENSWASTAAN SPORTS TOTO BUKAN DATANGNYA DARIPADA KERAJAAN SEPERTI PENSWASTAAN LAIN YANG DIRANCANGKAN LEBIH AWAL, KATANYA. -- LAGI
1608MST 11 03 87

U B475 DEB
PARLIMEN - SWASTA 2 KUALA LUMPUR

SEMASA MENJAWAB SOALAN ENCIK LIM YANG BERKATA BAHAWA PENSWASTAAN SPORTS TOTO SEPATUTNYA DIBUAT SECARA TENDER TERBUKA, PERDANA MENTERI BERKATA ADALAH TIDAK ADIL PENSWASTAAN AGENSI ITU DIBERI KEPADA PIHAK LAIN SEDANGKAN IDEANYA DATANG DARIPADA KUMPULAN LAIN.

KERAJAAN MENERIMA BAHAWA PENSWASTAAN SPORTS TOTO BERFAEDAH KEPADA KERAJAAN DARIPADA SEGI KEUNTUNGAN DAN MENGURANGKAN BEBANANNYA KATA BELIAU.

MENGENAI TINDAKAN SISTEM TELEKOM MALAYSIA (STM) MENAIKKAN CENGKERAM, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA IA BERTUJUAN MEMASTIKAN STM MENIKMATI KEUNTUNGAN SEBAGAIMANA DIHASRATKAN.

BAGAIMANAPUN, TEGASNYA, KERAJAAN AKAN MEMASTIKAN RAKYAT TIDAK TERTEKAN DALAM USAHA STM Mencari Keuntungan. -- BERNAMA
1611MST 11 03 87